



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368179
Bil. : KEW(S)500-17/3/1KLT.2/(40)
Tarikh : 23 Mei 2018

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Semua Presiden Majlis Perbandaran
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg Datuk/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN OLEH AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH

Dengan hormatnya, perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman Y.Bhg Datuk/Tuan/Puan, bagi memastikan segala urusan perolehan dan pembayaran dapat dilaksanakan berdasarkan tatacara dan punca kuasa yang sah, adalah diputuskan perkara-perkara dasar seperti berikut:

- 2.1 Selaras dengan penurunan kuasa yang masih berkuat kuasa di bawah Seksyen 15A Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Pegawai Pengawal atau pegawai yang diturunkan kuasa adalah dibenarkan untuk melaksanakan dan memutuskan perolehan secara pembelian terus, lantikan terus, *requisition* dan sebutharga sahaja. Pertimbangan perolehan ini adalah tertakluk kepada pelaksanaan dasar dan program sedia ada di mana peruntukan kewangan mengenainya telah diluluskan dalam Belanjawan 2018 serta pematuhan kepada semua peraturan dan tatacara perolehan atau kewangan semasa yang berkuat kuasa.



088-368179

KEW(S)500-17/3/1KLT.2/(40)

23 Mei 2018

PELAKSANAAN URUSAN PEROLEHAN OLEH AGENSI KERAJAAN

Bagi semua tender sama ada secara tender terbuka atau terhad dan perolehan secara rundingan terus hendaklah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga mendapat persetujuan Kerajaan Negeri;


2.2 Manakala, bagi perolehan yang telah diputuskan oleh Lembaga Tawaran Kementerian dan Lembaga Tawaran Negeri, Agensi Kerajaan bolehlah meneruskan perolehan tersebut.

3. Agensi Kerajaan juga boleh meneruskan pelaksanaan semua perolehan yang telah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan mana-mana perolehan yang telah menerima surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"JIMAT DAN PRODUKTIF"



(DATUK PG. HASSANEL BIN DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR)
Setiausaha Tetap

s.k Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, KOTA KINABALU

Pengarah, Jabatan Audit Negara Sabah, KOTA KINABALU